



Nota ACTnow

"Salah satu langkah untuk memutuskan rantaian COVID-19 adalah dengan vaksinasi seramai mungkin"


- Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin

Ia telah menjadi jelas bahawa vaksinasi adalah satu-satunya cara untuk memerangi situasi ini.

Sehingga 17 Mei, jumlah orang yang menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin adalah hanya 3.77%. Pada awalnya kerajaan telah merancang untuk mencapai sasaran 80% pada akhir 2021, namun pada tahap ini, ia nampak seperti mustahil untuk dicapai. Setelah mendapat kritikan mengenai kepantasan pelaksanaan vaksinasi, YB Khairy Jamaluddin, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi mengatakan bahawa kelewatan itu disebabkan oleh bekalan vaksin.

Ia adalah sangat penting untuk mempercepatkan proses vaksinasi bagi mencapai sasaran kita. Baru-baru ini, YB Khairy menyatakan bahawa 5 lagi pusat vaksinasi mega baru akan disediakan di Selangor dan Kuala Lumpur serta berunding untuk mencari lebih banyak pusat mega untuk dibuka di Pulau Pinang dan Johor.

ACTnow ingin mencadangkan kepada kerajaan untuk mempertimbangkan akan kawasan luar bandar untuk vaksinasi, dan bukannya memberi tumpuan kepada bandar-bandar utama sahaja. Sebagai contoh, warga Muar harus menempuh perjalanan sejauh 180KM atau lebih dari 2 jam bagi menuju ke pusat vaksinasi terdekat di Johor Bahru untuk mendapatkan vaksin. Ini menunjukkan bahawa kerajaan harus mengambil tindakan segera untuk membuka lebih banyak alternatif kepada pusat vaksinasi.



"Imunisasi yang kuat diperlukan untuk mencegah Covid-19. Kita harus lindungi diri kita untuk melindungi orang lain. Dapatkan vaksinasi!"

-YB Syed Saddiq, Ahli Parlimen Muar

Mungkin ia tidak sesuai untuk membuka pusat vaksinasi mega di kawasan luar bandar, namun kerajaan harus bekerjasama dengan Ahli Parlimen / Ahli Dewan Undangan Negeri masing-masing untuk memperbaiki dan meningkatkan pelaksanaan trak bergerak atau pusat vaksinasi sementara bagi memudahkan orang ramai serta memfasilitasi pengedaran vaksin yang sama di seluruh Malaysia. Selain isu kos perjalanan dan sekatan jalan, terdapat juga penerima vaksin yang terdiri daripada warga emas atau orang kurang upaya, di mana perjalanan jarak jauh akan sangat menyusahkan mereka. Sebagai contoh, seseorang mungkin perlu menyewa ambulans untuk membawa pesakit ke pusat vaksinasi.

Kerajaan juga harus menjadikan negara jiran kita, Singapura sebagai contoh, di mana warganegara yang berusia di atas 60 tahun boleh mendapat vaksin tanpa membuat tempahan terlebih dahulu. ACTnow berharap Malaysia dapat melaksanakan ini bukan hanya kepada golongan tua, tetapi juga kepada yang kurang upaya. Selain itu, bagi mengatasi kekurangan sukarelawan, kerajaan harus menugaskan semua staf yang sedia ada di majlis tempatan, yang tidak dapat menjalankan tugas semasa perintah kawalan pergerakan, untuk membantu pasukan perubatan di pusat vaksinasi.

ACTnow mendesak kerajaan untuk mengambil pertimbangan dan tindakan segera untuk menyelesaikan masalah ini dan memberikan vaksin lebih cepat kepada rakyat.

Isu-isu penting yang anda perlu ketahui



Mengancam keselamatan awam

Taman Midah

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Beberapa laporan telah dibuat mengenai lokasi dan masalah yang sama, namun tidak ada tindakan sebarang tindakan diambil oleh pihak berkuasa. Kenderaan berat diparkir di kawasan perumahan, yang tidak dibenarkan secara sah. Banyak kerosakan terutama di tepi jalan berlaku disebabkan kenderaan tersebut berada di kawasan yang tidak dibenarkan.

Maklumat lanjut boleh didapati di aplikasi ACTnow

MY0001921



Sampah-Sarap


Taman Delima

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Sampah-sarap yang kotor dan menjijikkan di Taman Delima di laluan pejalan kaki. Pengadu berasa kecewa dan menesa tindakan segera dari pihak berkuasa. ACTnow ingin menasihati pekerja binaan dan pengusaha perniagaan agar bertanggungjawab terhadap sampah anda dan jangan biarkan di tepi jalan.

Maklumat lanjut boleh didapati di aplikasi ACTnow

MY0001952



Tempat Pembinaan Nyamuk

Bandar Bukit Tinggi

Majlis Perbandaran Klang

Rumah dua tingkat yang dibina dengan baik dan tersusun terdapat dalam keadaan yang membimbangkan dengan rumput yang ditumbuh panjang, dinding kotor, pintu berkawat dan tong sampah yang tidak bertutup dengan air bertakung

Maklumat lanjut boleh didapati di aplikasi ACTnow


MY0001968

*Full details of the above tickets are ONLY accessible for registered users in the application.

Siaran Langsung Isu Panas ACTnow



*Rancangan Isu Panas ditangguhkan sehingga diumumkan kelak!



Download Now From App Store And

Google Play



ACTnow untuk Masyarakat dan Malaysia yang lebih baik

ACTnow adalah perusahaan sosial yang didedikasikan untuk membina komuniti yang lebih baik dengan menghubungkan masyarakat dan pihak berkuasa tempatan dengan menengahkan masalah komuniti harian. ACTnow merangkumi 52 kategori masalah komuniti yang mengkaitkan 155 majlis tempatan di seluruh Malaysia dalam satu aplikasi secara percuma. ACTnow telah dianugerahkan oleh The Malaysia Book of Record - "First Mobile Engagement Mobile Application" sejak 17 November 2020. Tujuan utama ACTnow adalah untuk membina komuniti yang lebih baik. Jadilah suara masyarakat, jangan bertindak kemudian, ACTnow!



Aplikasi perhubungan komuniti pertama



ACT NOW SDN BHD (13211403-M)
Suite# 33-01, Level 33, Menara Keck Seng,
203, Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur, Malaysia.

Contact us

info@act-now.app
03-2116 5738